



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 321

AKTA BADAN BERKANUN GETAH 1985

Sebagaimana pada 1 Disember 2012

AKTA BADAN BERKANUN GETAH 1985

Tarikh Persetujuan Diraja	6 September 1985
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i>	12 September 1985

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 321

AKTA BADAN BERKANUN GETAH 1985

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pindaan
3. Permulaan kuat kuasa bagi pindaan tertentu
4. Sebutan mengenai Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 digantikan dengan sebutan mengenai Ordinan Kumpulan Wang Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia 1958
5. Pentafsiran seksyen 3 Akta Institut Penyelidikan Getah Malaya (Perluasan dan Pindaan) 1972

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 321

AKTA BADAN BERKANUN GETAH 1985

Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958* dan Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966** dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[10 October 1985, P.U. (B) 473/1985]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Badan Berkanun Getah 1985 dan tertakluk kepada seksyen 3, 4 dan 5, hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan

2. Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 [*Ord. 71 of 1958*]* dan Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966 [*Akta 16 tahun 1966*]** dipinda sebagaimana yang dinyatakan masing-masing dalam Bahagian A dan B Jadual.

*CATATAN—Ordninan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 [*Ord. 71 tahun 1958*] telah disemak sebagai Akta Kumpulan Wang Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia 1958 [*Akta 401*]. Akta 401 telah dimansuhkan oleh Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1966 [*Akta 551*] m.b.p. 1 Januari 1998.

**CATATAN—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 [*Akta 551*] m.b.p. 1 Januari 1998.

Permulaan kuat kuasa bagi pindaan tertentu

3. (1) Pindaan kepada tajuk panjang, seksyen 1, seksyen 7 dan bahagian seksyen 15 dan 16 (berhubungan dengan penggantian perkataan “the Federation” dengan perkataan “Malaysia”) Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian A Jadual hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 September 1973.

(2) Pindaan kepada seksyen 15 Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 berhubungan dengan pemasukan perenggan (ii) selepas perenggan (i) seksyen itu hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1974.

Sebutan mengenai Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 digantikan dengan sebutan mengenai Ordinan Kumpulan Wang Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia 1958

4. Apabila tersiernya Akta ini dalam *Warta*, apa-apa sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen pada atau selepas 1 September 1973 mengenai Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 hendaklah digantikan dengan sebutan mengenai Ordinan Kumpulan Wang Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia 1958.

Pentafsiran seksyen 3 Akta Institut Penyelidikan Getah Malaya (Perluasan dan Pindaan) 1972

5. Bagi mengelakkan keraguan adalah ditetapkan bahawa seksyen 3 Akta Institut Penyelidikan Getah Malaya (Perluasan dan Pindaan) 1972 [*Akta A141*] hendaklah ditafsirkan sebagai juga terpakai berkenaan dengan tajuk ringkas Akta Institut Penyelidikan Getah Malaya 1966 dan bahawa apa-apa sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen pada atau selepas 1 September 1973 mengenai Akta Institut Penyelidikan Getah Malaya 1966 dengan tajuk ringkasnya hendaklah digantikan sewajarnya dengan sebutan mengenai Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966.

JADUAL

[Seksyen 2]

BAHAGIAN A

ORDINAN KUMPULAN WANG GETAH MALAYA (PENYELIDIKAN DAN
KEMAJUAN) 1958

Peruntukan Ordinan	Jenis Pindaan
Tajuk Panjang	Gantikan perkataan “the Federation” dengan perkataan “Malaysia”.
Seksyen 1	Gantikan perkataan “Malayan Rubber Fund (Research and Development) Ordinance, 1958” dengan perkataan-perkataan “Malaysian Rubber Research and Development Fund Ordinance 1958”.
Seksyen 3	<p>(a) Gantikan perenggan (4)(e) dengan perenggan (e) yang berikut:</p> <p>“(e) five other members, of whom one each shall represent the Government of Sabah, the Government of Sarawak, the Federal Land Development Authority and the Rubber Industry Smallholders’ Development Authority:</p> <p>Provided that the Board shall be deemed to be duly and properly constituted notwithstanding that either of the members who shall represent the Government of Sabah or the Government of Sarawak has not been appointed.”.</p> <p>(b) Gantikan subseksyen (5) dengan subseksyen (5) yang berikut:</p> <p>“(5) The Minister may in respect of every member of the Board other than the Controller appoint an alternate member who may attend meetings of the Board when the substantive member is temporarily unable to attend; and when so attending such alternate member shall be deemed for all purposes to be a member of the Board.”.</p>

Peruntukan Ordinan	Jenis Pindaan
	(c) Gantikan subseksyen (6) dengan subseksyen (6) yang berikut:
	“(6) The members of the Board (other than the Controller, he being an ex-officio member) and the alternates of such other members shall hold office for such period as may be determined by the Minister and shall be eligible for re-appointment.”.
Seksyen 4	Gantikan subseksyen (4) dengan subseksyen (4) yang berikut:
	“(4) In the absence from any cause of the Controller from any meeting, the Deputy Controller shall act as chairman; and in the absence of the Controller and the Deputy Controller from any meeting, the members of the Board present shall elect a member to act as chairman.”.
Seksyen 6	Masukkan selepas subseksyen (2), subseksyen (3) yang berikut:
	“(3) The Board may, with the approval of the Minister, make regulations in respect of the terms and conditions of service and the discipline of its officers and servants other than the Controller and Deputy Controller.”.
Seksyen 7	Gantikan perkataan “the Federation” dalam perenggan (1)(b) dengan perkataan “Malaysia”.
Seksyen 11	Masukkan selepas subseksyen (3), subseksyen (4) yang berikut:
	“(4) The Minister may make regulations in respect of the discipline of the Controller and Deputy Controller.”.
Seksyen 15	(a) Gantikan perkataan “the Federation” dalam perenggan (d) dengan perkataan “Malaysia”.

Peruntukan
Ordinan

Jenis Pindaan

(b) Masukkan selepas perenggan (i), perenggan (ii) yang berikut:

“(ii) as grants to institutions of higher learning in Malaysia which have as one of their disciplines the teaching and training of technologists in natural rubber.”.

Seksyen baru 15A

Masukkan selepas seksyen 15, seksyen 15A yang berikut:

“Power to borrow

15A. The Board may, with the approval of the Minister given after consultation with the Minister charged with responsibility for finance, borrow moneys for the purpose of performing its functions.”.

Seksyen 16

(a) Gantikan perkataan “the Federation” di mana terdapat dengan perkataan “Malaysia”.

(b) Gantikan perkataan “securities” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “investments”.

Seksyen baru 17A

Masukkan selepas seksyen 17, seksyen 17A yang berikut:

“Statutory Bodies (Accounts and Annual Reports) Act 1980 to apply

17A. Without prejudice to section 17, the provisions of the Statutory Bodies (Accounts and Annual Reports) Act 1980 [Act 240] shall apply in respect of the Board.”.

BAHAGIAN B

AKTA INSTITUT PENYELIDIKAN GETAH MALAYSIA 1966

Peruntukan
Akta

Jenis Pindaan

Seksyen 2

Masukkan di tempat yang sesuai tafsiran “Board” yang berikut:

“Board” means the Board established under section 4;’.

Seksyen 4

Gantikan subseksyen (1) dengan subseksyen (1) yang berikut:

“Constitution of the Board

4. (1) There is established a Board of the Institute which shall consist of the following members who, other than the members referred to in paragraphs (a), (b) and (e), shall be appointed by the Minister:

- (a) the Controller who shall be Chairman of the Board;
- (b) the Director;
- (c) a representative from the Ministry of the Minister charged with responsibility for the rubber industry;
- (d) a representative from the Ministry of the Minister charged with responsibility for finance;
- (e) the person for the time being performing the duties and exercising the functions of the Director General of Agriculture;
- (f) a member representing the Rubber Industry Smallholders’ Development Authority;
- (g) three members representing the estate sector of the rubber industry, from the nominations of the Malaysian Rubber Producers’ Council;
- (h) three members representing the smallholder sector of the rubber industry; and

Peruntukan
Akta

Jenis Pindaan

- (i) two other members, one each representing the Government of Sabah and the Government of Sarawak:

Provided that the Board shall be deemed to be duly and properly constituted notwithstanding that either of the members representing the Government of Sabah or the Government of Sarawak has not been appointed.”.

Seksyen 6

Masukkan selepas subseksyen (2), subseksyen (2A) yang berikut:

“(2A) The Board may, with the approval of the Minister, make regulations in respect of the terms and conditions of service and the discipline of its officers and servants other than the Director and Deputy Directors.”.

Seksyen 11

Gantikan subseksyen (2) dengan subseksyen (2) yang berikut:

“(2) The Malaysian Rubber Research and Development Board may, with the approval of the Minister, make regulations in respect of the terms and conditions of service and the discipline of the Director and Deputy Directors.”.

Seksyen 12

Masukkan selepas subseksyen (1), subseksyen (1A) yang berikut:

“(1A) Any officer of the Institute or any other person who exercises the powers and performs the duties of the Director in any of the circumstances referred to in subsection (1) shall also, during such period, be a member of the Board.”.

Seksyen baru 15A

Masukkan selepas seksyen 15, seksyen 15A yang berikut:

“Statutory Bodies (Accounts and Annual Reports) Act 1980 to apply

15A. Notwithstanding section 15, the provisions of the Statutory Bodies (Accounts and Annual Reports) Act 1980 [Act 240] shall apply in respect of the Board.”.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 321

AKTA BADAN BERKANUN GETAH 1985

SENARAI PINDAAN

Undang-Undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari

— NIL —

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 321

AKTA BADAN BERKANUN GETAH 1985

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa
dari

– NIL –
